

Bahasa Melayu bagai melukut di tepi gantang



**TEO KOK
SEONG**

Dari satu segi, seruan supaya bahasa Melayu giat dipromosikan di luar Malaysia melalui penambahan kerjasama dengan beberapa institusi dan penubuhan lebih banyak kursi di serata tempat untuk menyebarkan peradaban Melayu, bukan sahaja perlu dialu-alukan, ia juga hendaklah direalisasikan segera. Selain dapat memperkasa kewujudan bahasa Melayu di persada dunia, ia pasti dapat menjadikannya lebih dominan dalam komuniti antarabangsa.

Akan tetapi, dari segi lain, seruan itu bersifat ironi sekali dan penuh dengan pelbagai paradoks. Sehubungan ini, ia bukan sahaja mengelirukan, tetapi juga tidak selari dengan perkembangan bahasa Melayu semasa di dalam negara, sehingga boleh menjadikannya cemuhan yang boleh mengaibkan kita.

Dalam kita diseru mencari pendekatan untuk memperluas penggunaan bahasa Melayu di pelbagai negara asing, perkara bertentangan sedang berlaku di dalam negara. Peranannya bukan sahaja diperkecil, tetapi bahasa Melayu ikut dikesampingkan. Semua ini angkara kita sendiri gara-gara tidak bangga dengannya untuk terus menyayangi dan mentaatinya sebagai bahasa negara.

Bahasa ibunda orang Melayu
Untuk memburukkan lagi keadaan, ini rata-ratanya berlaku da-

lam kalangan kaum Melayu yang bukan sahaja adalah penutur jati kepada bahasa Melayu, tetapi menuturkannya sebagai bahasa ibunda, bahasa etnik dan bahasa leluhur bangsa Melayu. Dalam tiadanya semangat nasionalisme linguistik yang kental dalam kalangan kaum Melayu yang boleh dan sepatutnya menjadi teladan kepada kaum bukan Melayu, kita menyaksikan mereka bukan sahaja memperlekeh kemampuan bahasa Melayu untuk memandikan anak bangsa, mereka juga menolaknya sebagai wahana pembangunan negara.

Dalam hal ini, ada dalam kaum Melayu yang mahu persekolahan aliran bahasa Inggeris dikembalikan. Mereka tidak yakin kepada bahasa Melayu yang walaupun kini sudah berstatus bahasa saintifik moden, yang mampu mengungkap segala macam hal, baik yang konkrit mahupun abstrak dalam semua bidang ilmu, sama ada yang konvensional atau yang baharu. Bagi mereka, bahasa Melayu tidak pun layak digunakan sebagai bahasa ilmu pada peringkat sekolah rendah, apatah lagi peringkat pendidikan tinggi.

Program dwibahasa yang memberi pilihan untuk pelajar kita mengikuti pelajaran sains dan teknologi sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, tidak dapat dinafikan adalah antara manifestasi ketidakpercayaan kepada bahasa Melayu. Ilmuwan kita juga tidak memperlihatkan keinginan untuk menggunakan bahasa Melayu. Begitu juga dengan cendekiawan lain, mereka lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris.

Dengan keadaan bahasa Melayu melukut di tepi gantang di tanah watannya sendiri, bukan sahaja seruan ini berbunyi pelik kerana banyak bertentangan dengan hakikatnya di dalam negara, ia juga merupakan cemuhan yang boleh menempelak kita kerana

kenyataan di dalamnya yang banyak memperolok-olokkan.

Sebetulnya sebagai bahasa kelima terbesar di dunia dari segi jumlah penuturnya, kepentingan bahasa Melayu disadari banyak pihak di serata dunia. Dengan ini, ia dipelajari sebagai bahasa asing di ratusan universiti oleh ramai pelajar yang berusaha melawat Malaysia untuk merasai suasana linguistik bahasa Melayu di sini, yang mereka dapati indah khabar daripada rupa. Bukan sahaja mereka kecewa kerana rakyat Malaysia, termasuk kaum Melayu sendiri yang lebih gemar berbahasa Inggeris, mereka membandingkan kita dengan rakyat Indonesia yang lebih kukuh jati diri kebangsaannya.

Dengan kita yang tidak banyak mengendahkan bahasa Melayu di dalam negara, baik dari segi penggunaannya yang berkualiti dan berkuantiti, kita sebenarnya belum lagi layak untuk mengembangkannya di luar Malaysia, meskipun melalui gagasan sesederhana itu. Dalam hal ini, kita hendaklah memastikan kepentingan bahasa Melayu di dalam negara ini bukan sahaja disadari dan diinsafi setiap rakyat, tetapi yang lebih mustahak diterapkan dalam segenap amalan kita untuk memperlihatkan identiti budaya kita.

Sehubungan itu, kita tidak mahu penggunaan bahasa Melayu di luar negara giat diperkembang, sedangkan ia tidak pun dipedulikan di dalam negara oleh semua pihak. Ini semacam menyusu kera di hutan, anak sendiri kelaparan. Sebaliknya, ia sepatutnya ibarat di mana batang terguling, di situlah cendawan tumbuh, iaitu bahasa Melayu seharusnya pertama-tamanya dipupuk se-mapan yang boleh di tempat asalnya dahulu sebelum di luar usulnya.



Penulis

ialah Profesor di Universiti
Kebangsaan Malaysia dan EXCO
Majlis Profesor Negara